



# SIARAN MEDIA

## INSTITUT KOPERASI MALAYSIA

### KEMENTERIAN PEMBANGUNAN USAHAWAN

---

#### “IKM ANJUR PROGRAM TURUN PADANG KE ARAH KEMAKMURAN BERSAMA - JELAJAH 20 LOKASI”

---

**PETALING JAYA, 21 Januari 2020** - Menteri Pembangunan Usahawan, YB. Datuk Seri Mohd Redzuan Yusof telah melancarkan Program Turun Padang Ke Arah Kemakmuran Bersama (KKB 2020) di Petaling Jaya.

Program anjuran Institut Koperasi Malaysia (IKM) ini merupakan inisiatif baharu untuk menyampaikan dasar-dasar Kerajaan kepada Gerakan Koperasi di lapangan selain menawarkan perkhidmatan latihan dan bimbingan kepada koperasi.

Ianya menyasarkan 20 buah lokasi di seluruh Malaysia dan merupakan pendekatan baharu MED untuk turun padang dan mendekati kumpulan sasar dengan objektif untuk:

- (i) Memberi hebahan dan maklumat berkaitan Dasar Keusahawanan Nasional (DKN) 2030 dan Wawasan Kemakmuran Bersama (WKB) 2030 kepada para koperator;
- (ii) Mempromosikan program latihan dan bimbingan yang ditawarkan agensi-agensi MED, khususnya IKM secara terus kepada koperasi dan usahawan di lapangan;
- (iii) Memberi maklumat terkini berkaitan isu, cabaran serta peluang perniagaan dan keusahawanan;
- (iv) Membuka ruang penjanaan ekonomi dan jaringan perniagaan melalui aktiviti ekspo jualan yang melibatkan koperasi dan para usahawan individu dan
- (v) Menyediakan platform padanan perniagaan untuk memasarkan produk koperasi dan usahawan

Ketua Pengarah IKM, Ariffin Mamat berkata, “Mulai tahun ini penyediaan program latihan di IKM dibuat secara bersasar dan lebih fokus dengan mengenal pasti *‘outcome’* yang diharapkan dari setiap penganjuran program latihan yang dirancang”.

Selain informasi berkenaan program latihan 2020, perkongsian pengalaman bersama usahawan berjaya turut menjadi pengisian dalam program ini. Program keusahawanan seperti ini amat relevan dan memberi kesedaran kepada masyarakat terutamanya golongan B40 di mana perniagaan dan keusahawanan mampu menjadi sumber pendapatan dan pekerjaan utama kepada masyarakat.

Dalam memastikan program yang dirancang oleh IKM berjalan dengan sempurna, 5 Teras Strategik IKM 2020 yang merangkumi anjakan pendapatan koperasi melalui program *Million Ringgit Coop League* (MiRiCLe), keusahawanan koperasi, pembudayaan aplikasi IR 4.0, mempromosikan keusahawanan sosial dan SDG (*Sustainable Development Goals*) melalui koperasi serta rejuvenasi koperasi telah ditetapkan sebagai asas utama untuk melaksanakan agenda transformasi koperasi pada tahun ini.

Maklumat lanjut mengenai jadual program ini di seluruh negara serta maklumat-maklumat lain boleh dicapai melalui laman web IKM iaitu [www.ikkm.edu.my](http://www.ikkm.edu.my).

\*\*\*\*\*

### **Mengenai IKM**

*Institut Koperasi Malaysia (IKM) yang dahulunya dikenali sebagai Maktab Koperasi Malaysia merupakan agensi di bawah Kementerian Pembangunan Usahawan yang berperanan sebagai Peneraju Pusat Kecemerlangan Pembangunan Modal Insan gerakan koperasi melalui penyelidikan, pendekatan turun padang, latihan dan bimbingan bersasar di seluruh Malaysia. Berpusat di Petaling Jaya, IKM mempunyai lima buah cawangan keseluruhannya yang terletak di Sabah, Sarawak, Kuantan, Johor dan Alor Setar.*

### **Untuk sebarang maklumat lanjut:**

Unit Komunikasi Korporat, IKM  
Tel : 03-7964 9172 / 016 9013564 (Normila)  
Emel : [ikmmmedia19@gmail.com](mailto:ikmmmedia19@gmail.com)